

## Mangsa perang ada hak suci mohon keamanan

**TAKHTA SUCI:** Dalam pesan kepada pemimpin agama dan politik yang berkumpul di Gerbang Brandenburg di Berlin, Sri Paus Fransiskus menyeru kepada masyarakat sivil dan pegawai pemerintah untuk mempunyai “keberanian memperjuangkan keamanan.”

“Dalam dunia di mana segala-galanya berlalu dengan pantas, hanya pengakhiran peperangan yang berjalan sangat perlahan,” tulis Bapa Suci dalam pesan yang dibacakan pada September 12, sempena penutup mesyuarat tahunan antara agama untuk keamanan yang dibiayai oleh Komuniti Sant’Egidio yang berpangkalan di Roma.

Tembok Berlin yang dahulunya melintasi Gerbang Brandenburg dan apabila tembok itu runtuh pada tahun 1989, ia adalah harapan orang ramai yang mahu melihat dunia yang aman selepas Perang Dingin.

“Malangnya, selama bertahun-tahun, janji masa depan sebegitu tidak dibina atas harapan bersama sebaliknya dibina atas kepentingan khusus dan saling tidak percaya,” kata Sri Paus.

Dan “daripada merobohkan tembok, lebih banyak dinding baharu pula telah didirikan.” keluh Bapa Suci Fransiskus.

Sri Paus Fransiskus secara peribadi menghadiri mesyuarat tahunan lalu untuk keamanan bertempat di Colosseum di Roma. Katanya, seperti tahun lalu, pencerobohan Rusia ke atas Ukraine masih mendominasi perbincangan dan doa pada perhimpunan kali ini.

“Ini adalah konflik dahsyat tanpa penghujungnya, dan yang telah menyebabkan kematian, kecederaan, kesakitan, pengasingan dan kemusnahan,” katanya kepada mereka yang berkumpul di Berlin.

Sri Paus mengulangi ucapannya di Colosseum pada tahun lalu, “Rayuan untuk keamanan tidak boleh dihalang: ia terbit dari hati para ibu; ia terukir di wajah pelarian, keluarga yang terlantar, yang cedera dan yang hampir mati.”

“Tiada formula ajaib” wujud untuk menamatkan peperangan,



Seorang wanita Ukraine menyalakan lilin di Gereja untuk mendoakan keamanan segera kembali di Ukraine.

keganasan dan konflik, katanya. Tetapi mereka yang menderita akibat peperangan di Ukraine dan tempat lain di seluruh dunia mempunyai “hak suci untuk memohon keamanan,” dan rayuan mereka patut didengari.

Tegasnya, “realisme tidak mencukupi, pertimbangan politik tidak mencukupi, pendekatan strategik yang dilaksanakan setakat ini tidak mencukupi. Lebih banyak lagi diperlukan, kerana perang berterusan.”

“Keberanian memperjuangkan keamanan” melibatkan keberanian yang berterusan untuk men-

cuba sesuatu yang baharu dan ia memerlukan gerakan kenabian di pihak “mereka yang boleh mengubah nasib negara yang sedang berperang iaitu masyarakat antarabangsa, kita semua,” kata Paus Fransiskus seraya menggesa ahli politik, pemimpin atau diplomat agar berani menyuarakan keamanan.

Keberanian untuk memperjuangkan damai bermakna penganut semua agama mesti berdoa dengan bersungguh-sungguh dan harus “menyuarakan bagi tangisan ibu dan bapa, kepada orang-orang yang patah hati dan putus harapan

akibat peperangan. Jangan takut menjadi pengemis untuk keamanan,” tulis Sri Paus Fransiskus.

“Mari kita terus berdoa memohon keamanan tanpa berputus asa, mengetuk dengan semangat yang rendah hati dan gigih di pintu hati Tuhan yang sentiasa terbuka dan di pintu-pintu manusia,” tulisnya.

“Marilah kita meminta agar jalan damai dapat dibuka, terutamanya bagi Ukraine yang dikasihi yang sedang dilanda peperangan. Marilah kita percaya bahawa Tuhan sentiasa mendengar tangisan penderitaan anak-anak-Nya.” — *CNA*

## Para pemimpin Gereja bahas pembentukan sinode di Asia



Umat Katolik membawa salib menjelang kunjungan Paus Fransiskus ke Thailand, di luar Gereja Phra Mae Prachak, wilayah Suphan Buri, Thailand tengah, pada Oktober 26, 2019. Gambar: ucanews.com

PATTAYA, Thailand: Klerus, pemimpin religius dan umat awam dari seluruh Asia telah bergabung dalam pertemuan konsultasi di Thailand mengenai pembentukan sinode bagi mencapai sebuah Gereja sinode.

Para anggota badan konsultatif Federasi Konferensi-konferensi para Uskup Asia (FABC) membincangkan pemahaman dan apresiasi mereka terhadap Gereja sinode pada September 11-15, di Pattaya, Thailand, lapor *Radio Veritas Asia* (RVA).

Konsultasi tersebut bertujuan

mengartikulasikan ciri-ciri, kriteria, dan ekspresi budaya pembentukan sinode di Asia dan merumuskan rencana tindakan konkrit bagi melaksanakan pembentukan sinode di pelbagai pelayanan Gereja di Asia.

Pertemuan ini dianjurkan menjelang Sinode Antarabangsa tentang Sinodaliti di Vatikan pada bulan Oktober yang diselenggarakan oleh Sri Paus Fransiskus di Roma.

Pertemuan di Roma itu terbahagi kepada dua dengan tema “Untuk Gereja Sinode: Perse-

kutuan, Partisipasi, dan Misi”, akan diadakan pada Oktober 4-28 berakhir pada Oktober 2024.

Beberapa jabatan FABC – Pejabat Awam dan Keluarga, Pejabat Hidup Bakti, Pejabat Pendidikan dan Pembinaan Iman, dan Pejabat Kepedulian Teologi – telah bersama-sama menyelenggarakan program ini dengan perwakilan dari pelbagai negara Asia.

Pertemuan di Pattaya merupakan kelanjutan dari konsultasi FABC mengenai sinodaliti di Asia. — *ucanews.com*

# Dua jenis kejahilan

Hipokrasi yang halus! Betapa mudahnya kita tidak menyedari ketidakkonsistenan kita sendiri, tetapi kita begitu jelas melihat kesalahan orang lain.

Adakah kita sengaja buta, atau adakah kita hanya tidak melihat? Adakah ini masalah moral atau visual? Cuba renungkan contoh berikut:

Dalam pengembaraannya, penjelajah abad kelapan belas, Kapten James Cook, pernah menghabiskan beberapa tahun di Kepulauan Polinesia.

Dia belajar bahasa ibunda dan berkawan dengan ramai orang. Suatu hari, mereka membawanya untuk menyaksikan pengorbanan manusia.

Puak itu masih mengamalkan animisme tertentu dan kadangkala mempersembahkan seseorang sebagai korban kepada tuhan mereka. Cook, seorang lelaki Inggeris yang canggih, dikatakan amat terkejut.

Dia menulis dalam diari yang menyatakan kemarahannya kepada ketua, dan menulis: *Ini sangat mengerikan! Anda adalah orang primitif. Di England kami akan menggantung kamu kerana kesalahan ini!*

Ironi reaksi Cook ini tidak terlepas dari pandangan ahli-ahli pengkaji sains kemanusiaan.

Apabila kita membunuh seseorang atas nama Tuhan, tidak kira sama ada kita memanggilnya pengorbanan manusia atau hukuman mati ia melibatkan tindakan mengorbankan nyawa manusia dan membenarkannya atas nama Tuhan.

Contoh kedua pula diambil da-

ripada tulisan Bill Plotkin yang pernah menghabiskan masa mengkaji pelbagai upacara inisiasi yang diamalkan oleh puak pramodern.

Upacara inisiasi ini merayakan permulaan hidup anak lelaki dan perempuan muda memasuki usia baligh.

Seperti yang kita tahu, akil baligh boleh menjadi masa yang berbahaya bagi seorang remaja.

Akil baligh melanda orang muda dengan keganasan tertentu, yang menyebabkan tubuh dan jiwa orang muda sentiasa 'panas'.

Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa kuasa 'panas' yang mengganggu anak-anak muda ini telah direka oleh Tuhan dan alam semula jadi yang jelas bermatlamat 'menghalau' atau menyiapkan anak-anak muda itu untuk keluar dari rumah keluarga mereka, untuk mendorong mereka mencari rumah untuk diri mereka sendiri, dan untuk menamatkan zaman kanak-kanak sehingga memasuki alam dewasa. Maklumlah, tenaga yang kuat diperlukan untuk mencapainya. Tetapi tenaga-tenaga ini sukar dibendung dan sukar berjalan ke laluan kedewasaan dengan baik.

Hampir semua budaya pramodern mempunyai upacara inisiasi untuk membantu anak-anak muda berjalan ke arah proses kedewasaan.

Hari ini kebanyakan budaya (tidak kurangnya budaya kita sendiri) kurang menghormati atau mengadakan upacara inisiasi ini.

Menurut Plotkin, kajiannya mendapati upacara inisiasi pramodern melibatkan tuntutan semua



keluarga dan masyarakat, dari segi fizikal, dan emosi, terhadap anak muda yang memasuki alam keremajaan sehingga kadangkala seorang belia yang menjalaninya 'mati' semasa proses itu.

Melihat perkara ini, Plotkin mengulas bahawa sensitiviti moden kita tersinggung dengan upacara yang dilihat kejam dan primitif ini.

Secara moral, kita marah dan melihat amalan ini sebagai mundur dan kuno.

Walau bagaimanapun, Plotkin menegaskan, puak-puak ini sebenarnya jarang kehilangan orang muda dalam proses akil baligh hingga dewasa — manakala kita, yang berbudaya moden yang canggih, kehilangan beribu-ribu orang muda setiap tahun, yang sedang dalam proses menuju kedewasaan, kecundang akibat dadah, alkohol, seks, kereta, kumpulan samseng dan tingkah laku berisiko.

Ya, seperti yang pernah Yesus

katakan, adalah mudah untuk melihat kotoran di mata orang lain walaupun kita tidak menyedari di mata kita juga terdapat kotoran yang besar. Sekarang saya menyatakan semua ini dengan nada lebih bersimpati bukan menghakimi kerana hipokrasi terdapat pelbagai jenis.

Ada hipokrasi di mana buta itu disengajakan, dan ada hipokrasi di mana buta itu lebih kepada kepolosan atau jahil.

Thomas Aquinas pernah membezakan antara dua jenis kejahilan. Bagi Aquinas, ada *kejahilan sengaja* dan ada *kejahilan tidak sengaja*, iaitu, kadangkala kita 'tidak melihat kerana kita sengaja tidak mahu melihat', dan kadangkala kita 'tidak melihat kerana kita gagal memahaminya'.

Kita lebih mengenal *kejahilan sengaja* di mana kita enggan melihat sesuatu kerana kita tidak mahu melihat kebenaran.

Ketidakupayaan kita untuk melihat adalah berdasarkan rasionalisasi dan ketakutan, keengganan sengaja ini menyebabkan kita kurang memahami apa yang kita lihat lebih-lebih lagi, dalam hal kebenaran yang kurang menyenangkan, maka kita sengaja tidak mahu 'melihat' atau mengerti.

Dalam kejahilan yang disengajakan, kita tidak melihat persamaan antara pengorbanan manusia dan hukuman mati kerana mungkin kita secara emosi menyangka animisme lebih kejam daripada hukuman mati, padahal kedua-duanya juga melibatkan perbuatan kejam meragut

nyawa manusia.

Dalam *kejahilan bukan sengaja* (bukan tindakan sukarela) ia berlaku contohnya kurangnya pengetahuan undang-undang, fakta kes, sejarah dan sebagainya.

Kekurangan kita ini ada kaitan dengan batas kemanusiaan kita, latar belakang dan pengalaman kita. Kita tidak takut melihat realiti. Kita melihat, tetapi kita tidak memahami.

Seperti Kapten Cook, meskipun tulus dan ikhlas tetapi dia dan kita, tidak melihat persamaan antara pengorbanan manusia dan hukuman mati iaitu melibatkan perbuatan membunuh manusia, dan, seperti kata Bill Plotkin, kita dengan mudah menilai upacara inisiasi pramodern sebagai kejam dan mengerikan, sedangkan beribu-ribu anak kita sendiri mati secara ngeri yang tidak masuk akal dalam usaha mereka mencari laluan kehidupan dari akil baligh ke alam dewasa.

Kita semua, liberal atau konservatif, mempunyai titik buta dari segi cara kita melihat dan menilai pelbagai isu keadilan sosial, sama ada perubahan iklim, kemiskinan, pengguguran bayi, imigresen, pelarian, perkauman, kesaksamaan wanita atau isu jantina. Berhadapan isu-isu kompleks ini, adakah kita sanggup melihatnya secara langsung, atau adakah kita tidak mahu melihatnya kerana kita sudah memahami apa yang mungkin kita lihat?

Adakah kebutaan kita, kemunafikan kita, sengaja atau tidak sengaja? — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolhaiser*

## Hidup yang berpadanan dengan Injil

Seorang wanita kaya raya telah membeli lebih 200 bungkusan makanan untuk dibahagi-bahagikan kepada mangsa banjir.

Bungkusan itu berisi makanan dan barangan keperluan yang bernilai lebih RM100.

Setelah dibahagi-bahagikan, masih kedengaran suara di kalangan mangsa banjir itu yang tidak berpuas hati.

Kononnya barangan dan makanan yang diberi tidak berkualiti malah ada juga yang menyuarakan pendapat, lebih baik mangsa banjir diberikan wang sahaja kerana mereka lebih tahu apa yang mereka perlukan.

Malah di kalangan mangsa banjir itu pula, yang miskin dan berkeluarga besar mendakwa mereka sepatutnya diberikan dua tiga bungkusan bantuan.

Wanita kaya itu sangat marah kerana dia sudah berusaha membantu. "Sudah diberi peha, mereka mahu betis pula. Tak tahu bersyukur langsung, saya dah bantu tapi mereka tak menghargai," kata wanita itu bersungut-sungut.

Bacaan Kitab Suci pada hari Minggu Biasa Pekan XXV tentang rasa ketidakadilan, iri hati dan ketidaksesuaian antara ran-

cangan kita dengan rancangan Tuhan.

Seperti dalam bacaan kedua, menggambarkan sikap iri hati pengkhutbah lain setelah melihat keberhasilan pewartaan Rasul Paulus meskipun rasul itu sedang dipenjarakan.

Dalam bacaan Injil hari ini, kita melihat sikap iri hati dari pekerja kebun anggur yang bekerja sejak pagi menerima upah yang sama seperti pekerja yang datang paling akhir.

Melalui perumpamaan pekerja di kebun anggur, Yesus mengajarkan tentang karakter diri kita dalam menanggapi kebaikan hati Tuhan.

Yesus mengajarkan tentang kebaikan hati Tuhan dengan perumpamaan tuan tanah (*ownerland*) yang baik hati yang memberi kesempatan para penganggur untuk bekerja di kebun anggurnya.

Namun sikap baik hati tuan tanah tersebut pula ditanggapi oleh para pekerja dengan bersungut-sungut dan berasa iri hati.

Mereka menilai tuan tanah itu berlaku tidak adil terhadap hasil kerja mereka.

Kalau kita tidak mendalami

makna pesan ajaran Yesus itu, kita juga boleh bersikap seperti pekerja di kebun anggur yang bekerja sehari suntuk bekerja berat dan menanggung panas terik matahari tersebut, namun mendapat upah yang sama dengan pekerja yang masuk terakhir hanya bekerja satu jam saja.

Kalau kita memahami perumpamaan Yesus itu sekadar cerita sahaja, sudah tentu kita akan kecewa.

Sebab kemungkinan besar kita menganggap perumpamaan ini menjelaskan kerajaan Syurga itu sama baik bagi mereka yang dibaptis sejak bayi atau baptisan baru?

Perumpamaan tentang pekerja di kebun anggur itu adalah tentang diri kita yang suka kecewa terhadap kebaikan hati Tuhan. Kita semua adalah para penerima kasih yang sama dari Tuhan. Namun, kita sering kali bersikap tamak dan suka iri hati, ketika ada anugerah yang sama yang Tuhan berikan kepada orang lain. Kadang kita sering iri hati melihat orang yang kurang rajin berdoa atau ke gereja, namun mendapat rezeki yang sama, bahkan berlebih, dibandingkan den-

### HARI MINGGU BIASA KE-25 TAHUN A

**YESAYA 55:6-9;**  
**FILIPI 1:20C-24,27A;**  
**INJIL MATIUS 20:1-16A.**

gan kita yang merasa lebih rajin berdoa, yang lebih banyak melayani di Gereja atau beramal bagi sesama.

Kita sering merasa telah bekerja sangat keras demi Tuhan dan ingin agar Tuhan menunjukkan belas kasih-Nya kepada kita secara lebih istimewa dibandingkan orang lain.

Apa pesan yang dapat kita ambil dari bacaan Kitab Suci pada hari ini adalah bahawa Tuhan punya autoriti atas rancangan-Nya untuk jalan hidup kita.

Tuhan menempatkan siapa pun kita dalam keadaan sama satu dengan yang lain. Namun, sebagai mana kita dengarkan dalam bacaan pertama, Nabi Yesaya mengatakan bahawa apa yang dirancang Tuhan tentu berbeza dengan rancangan kita, dan jalan

fikiran kita sangatlah berbeza dengan jalan fikiran Tuhan, seperti tingginya langit dari bumi, demikianlah tingginya jalan fikiran Tuhan dari jalan kehendak kita (bdk. Yes 55:8-9).

Apapun rancangan Tuhan untuk kita, sebagai orang beriman, sebagaimana dalam bacaan kedua, Rasul Paulus mengajak kita hendaklah hidup kita tetaplah berpadanan dengan Injil Tuhan (Flp 1:27).

Siapa pun kita, Tuhan tetap menunjukkan kasih karunia-Nya yang sama kepada mereka yang baru dibaptis, atau yang menerima baptisan lebih awal dari yang lain. Jika kita mengikuti rancangan atau kehendak Tuhan, kita tidak usah takut menjadi yang pertama yang akan menjadi yang terakhir. — *santapan rohani*

# Kursus penyegaran semula para klerus alumni Kolej St Peter

KUCHING: Seramai 70 klerus dari seluruh Malaysia, yang merupakan alumni Kolej St Peter, telah berkumpul untuk kursus penyegaran semula pada September 4-7, 2023 di Kolej St Peter, Seminari Utama Kuching.

Penceramah jemputan untuk kursus ini ialah Fr Clarence Devadass, dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur, dan Dr Estela Padila, yang merupakan Setiausaha Eksekutif Pejabat Hal Ehwal Teologi bagi Federasi Konferensi para Uskup Asia (FABC).

Kedua-dua penceramah ini berbicara tentang wacana teologi misalnya keperluan untuk mempunyai pendekatan Asia untuk melakukan teologi sebagai pelengkap pendekatan Barat. Seperti yang dinyatakan oleh beberapa peserta: "Kursus penyega-



Para klerus alumni Seminari Tinggi Kolej St Peter berhimpun untuk Kursus Penyegaran Semula pada Sept 4-7, 2023.

ran ini menggalakkan kami untuk 'menanggalkan kasut kami, dan berteologi dengan berkaki ayam, di tanah Asia ini!' Para peserta juga diberi penerangan tentang organisasi FABC, dan peranannya dalam menyokong pelbagai

konferensi uskup di 28 negara di rantau Asia.

Sepanjang sesi, paderi dan uskup juga dibahagikan kepada kumpulan kecil di mana mereka berpeluang berkongsi visi mereka tentang gereja Malaysia. Dalam

kumpulan, mereka juga berpeluang berkongsi pengalaman hidup mereka sendiri dalam bidang pastoral, serta memberikan pandangan mereka tentang cara sinodal menjadi sebuah Gereja. Untuk mengakhiri kursus penyegaran

semula itu, Uskup Agung Simon Poh memberi sesi mengenai isu penderaan seksual kanak-kanak bawah umur dan orang yang lemah. Sesi itu memberikan beberapa pandangan mengapa laporan kes penderaan yang agak rendah di Asia, serta beberapa garis panduan mengenai prosedur standard yang perlu diikuti, apabila menemui atau berhadapan kes sedemikian. Beliau menegaskan bahawa Gereja mesti kekal berwibawa dalam usaha memastikan persekitaran yang selamat untuk semua.

Di samping itu, Uskup Agung Simon juga bercakap tentang menjaga kesejahteraan kesihatan mental di kalangan paderi dan menyedari bahawa setakat ini, ini adalah isu yang terlepas pandang. — *Today's Catholic*

## Retret singkat bantu wanita Katolik tangani stress

Beluran, SANDAKAN: Retret singkat Komisi Kerasulan Wanita Katolik (KKWK) Keuskupan Sandakan baru-baru ini telah membawa para wanita Katolik merenung tema "Wanita Sabar dan Beriman."

Retret sehari bertempat di Gereja St Paul, Ulu Dusun disertai le-bih 60 orang peserta. Matlamat retret ini ialah memberi penyegaran iman kepada para wanita dan

ibu, khususnya dalam menghadapi cabaran melayani keluarga.

Penceramah utama retret, Sdra Gilbert Ondoi memberikan beberapa contoh wanita hebat dan berani dalam Alkitab sebagai sumber inspirasi para wanita Katolik.

Semasa retret ini juga diadakan mesyuarat KKWK peringkat Paroki Our Lady of Fatima, Beluran dan meraikan ulang tahun ketujuh penubuhan KKWK Paro-

ki OLOF Beluran.

Pada sebelah petang semua peserta menghadiri Misa Senja yang dipimpin oleh Fr Stephen Esquerra di Gereja St Paul, Ulu Dusun.

Selepas retret, para wanita yang sering mengalami tekanan kerana rumahtangga, pekerjaan dan persekitaran, berasa diteguhkan serta menumbuhkan rasa damai dalam pemeliharaan Tuhan.



Retret singkat membantu KKWK menemui kembali pengharapan di dalam Tuhan.

### Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

**HERALD**  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:  
liza@herald.com.my

## Penggunaan telefon pintar dalam Liturgi

**Soalan:** Teknologi semakin maju. Di mana-mana sahaja gajet mudah ditemui, bahkan di Gereja. Saya pernah melihat ada umat yang membuka telefon pintar semasa pewartaan Kitab Suci semasa Perayaan Ekaristi.

**Ahli Koir juga adakalanya membuka telefon pintar untuk mencari teks lagu yang dinyanyikan jika tidak disediakan teks lagu.**

**Apa yang menjadi pertanyaan saya, apakah hal ini diperbolehkan dari sisi Liturgi kerana bagi saya, ia agak tidak sakral. — Lena**

**Jawaban:** Sebenarnya, sehingga kini, belum ada aturan Gereja tegas tentang penggunaan telefon pintar dalam Liturgi.

Telefon pintar sudah menjadi peranti wajib setiap orang. Ia menawarkan pelbagai aplikasi yang membantu, termasuk Kitab Suci, teks doa dan nyanyian.

Pada awal Misa, kebanyakan Gereja memberi peringatan pada awal Misa misalnya, "Matikan telefon pintar anda semasa Misa atau "Gunakan mode silent." Jadi kita sebenarnya sedar bahawa bunyi telefon pintar atau nyalaan lampu dari telefon pintar boleh mengganggu kekhusyukan Perayaan Ekaristi.

Sehingga kini, Gereja sendiri belum mengizinkan penggunaan telepon pintar atau tablet sebagai pengganti buku-buku Misa.

Teks-teks Liturgi untuk paderi dan lektor selalu merupakan buku khusus yang memang diperuntukkan untuk Liturgi.

Buku Misa dan Bacaan merupakan pelengkapan Liturgi yang wajib, bersama dengan piala, sibori, stola dan kasula. Untuk menghormati kesakralannya, Buku Injil (*Evangelium*) dihormati dengan ritual khusus misalnya diang-



kat semasa perarakan masuk atau didupai sebelum Injil dibacakan.

Manakala, para lektor membacakan Sabda Tuhan dari buku rasmi yang disebut *Lectionarium*. Jadi buku adalah keutamaan dan belum tergantikan dalam Liturgi.

Lalu bagaimana umat? Bolehkah menggunakan telefon pintar untuk menyemak atau membaca Kitab Suci semasa Liturgi Sabda?

Tentang hal ini juga belum ada aturan tegas. Ini bererti diperlukan *discernment* peribadi dan komunal demi sakralitas Perayaan Ekaristi itu.

Liturgi adalah gerak bersama Gereja, sehingga kita perlu memperhatikan bukan hanya keperluan peribadi tetapi juga keperluan bersama sebagai persekutuan.

Lebih-lebih lagi, sikap paling penting dalam Liturgi Sabda adalah mendengarkan. Jika lektor membaca bagus, dan sistem bunyi juga bagus, maka cukuplah kita mendengar.

Dengan sikap dan keterbukaan terhadap Sabda Tuhan, ia pasti dapat menembusi jiwa kita sampai ke lubuk hati terdalam.

Pada tahun 2017, Sri Paus Fransiskus semasa audiensi bersama umat umum pernah mengkritik umat yang mengeluarkan telefon pintar ketika Misa.

Menurutnya yang melakukan hal itu bukan hanya umat biasa, tetapi juga paderi malah uskup.

Dengan telefon pintar, mereka merakam, mengambil foto malah berswafoto ria, terutama kalau Sri Paus yang memimpin Misa.

Tindakan itu tidak hanya membuatkan Sri Paus sedih, tetapi sesuatu yang buruk. Kata Sri Paus, kita ini diundang untuk "mengangkat hati" (mengarahkan hati kepada Tuhan), dan bukannya "menatap atau mengeluarkan telefon pintar."

Misa adalah saat perjumpaan yang indah antara kita dengan Tuhan Yesus. Jadi mari kita menemukan kembali keindahan perjumpaan Ekaristi, yang memberikan kepada setiap orang arti mendalam dan penuh dari hidup kita, kata Sri Paus Fransiskus.

Menggunakan telefon pintar untuk menyemak Sabda Tuhan memerlukan kekuatan peridi sebelah kanan dan kiri kita. Untuk mengatasi hal ini sebenarnya banyak paroki sudah biasa menyediakan teks-teks Misa yang mencantumkan juga bacaan.

Biasanya orang kurang terganggu kalau menggunakan teks semacam ini. Namun sekali lagi sikap paling penting dalam Liturgi Sabda adalah mendengarkan. Jadi kalau lektor dapat meyakinkan bacaan dengan jelas, cukuplah, tidak perlu lagi melihat atau membaca melalui telefon pintar. — *Fr Gregorius Hertanto, MSC, Ketua Sekolah Tinggi Falsafah Seminari Pineleng, Manado, Sulawesi Utara, hidupkatolik.com*

# Sahabat Kecil Yesus

Lengkapkan petikan Injil Matius 20:1-16 di bawah

Tuan punya kebun anggur mahu mengupah pekerja untuk berkerja di kebun anggurnya dengan upah sedinar sehari.

Kira-kira \_\_\_\_\_ (a) dia mengupah orang-orang yang tidak bekerja untuk bekerja di kebun anggurnya.

Kira-kira pukul \_\_\_\_\_ (b) dan pukul \_\_\_\_\_ (c), dia melakukan hal yang sama seperti tadi.

Kira-kira \_\_\_\_\_ (d) dia keluar lagi untuk mencari beberapa orang bekerja di kebun anggurnya.

Ketika hari \_\_\_\_\_ (e) tuan punya kebun anggur menyuruh mandur memanggil pekerja yang masuk pertama hingga yang terakhir. Mereka semua menerima masing-masing \_\_\_\_\_ (f) dinar.



Jawaban: (a) pukul sembilan (b) pukul duabelas (c) pukul tiga (d) pukul lima (e) malam (f) satu




Mengapa pekerja yang masuk terdahulu berasa tidak puas hati?

- a) menyangka dapat upah lebih
- b) kerana tidak diberi makan
- c) kerana mereka demam.

Jawaban: (a) menyangka dapat upah lebih

## CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI: ANGGUR, KEBUN, UPAH, DINAR



Hello adik-adik,

Apa khabar? Pernahkah adik-adik berasa Tuhan itu tidak adil kerana kita dilahirkan tidak seantik rakan kita, atau tidak sekaya berbanding jiran kita?

Pembacaan Injil pada Hari Minggu ini sentiasa berlaku dalam kehidupan kita.

Adik-adik, bagi manusia, mereka yang bekerja lebih waktu dan lama layak mendapat upah yang lebih banyak berbanding mereka yang datang bekerja pada waktu terakhir.

Tetapi di mata Tuhan, sama ada pekerja itu bekerja pada waktu pertama atau terakhir, 'upahnya' tetap sama.

Mengapa? Sebab Tuhan itu Maha Pengasih dan Pemurah.

Dalam hal ini, kita tidak boleh bersikap tamak dan mahu Tuhan bersikap sama seperti kita.

Nabi Yesaya mengatakan bahawa apa yang dirancang Tuhan sangat berbeza dengan rencana kita.

Apabila melihat orang lain mendapat lebih daripada kita, elakkan diri untuk menjadi cemburu.

Apapun rancangan Tuhan untuk kita, sebagai orang beriman, sebagaimana nasihat Rasul Paulus, hendaklah kita hidup berpadanan dengan Injil Tuhan! (Flp 1:27).

Salam Sayang  
Antie Melly

Sebab rancangan-Ku bukanlah rancanganmu, dan jalanmu bukanlah jalan-Ku, demikianlah firman TUHAN. Seperti tingginya langit dari bumi, demikianlah tingginya jalan-Ku dari jalanmu dan rancangan-Ku dari rancanganmu (Yesaya 55:8-9).

Tulis perkataan yang betul pada gambar di sebelah

MESIAS  
KHABAR BAIK  
YESUS KRISTUS  
KHABAR BAIK  
JURUSELAMAT  
ROH KUDUS  
SANG PENEBUS  
FIRMAN TUHAN



# BELIA MILENIUM

## BERJALAN KE EMAUS:

**PENAMPANG:** Buat julung julung kalinya sebuah keluarga besar dari St Patrick, Kinuta, Papar yang terdiri daripada belia telah mengadakan retreat yang bertema "Berjalan Ke Emmaus" selama tiga hari baru-baru ini.

Objektif utama retreat ini adalah agar kaum muda sentiasa berharap pada Tuhan di samping mendorong mereka untuk terbuka berkongsi masalah yang menjadi punca kemurungan dan stress.

Sesi pertama, "Apakah maksud doa bagi anda" disampaikan oleh Sdri Aveil Olga yang membantu peserta lebih memahami doa-doa Katolik.

Pada hari kedua, Fr Andrew Kim menyampaikan sesi, "Identify your calling". Paderi dari Korea itu menyatakan, "Kita boleh membuat panggilan telefon kepada Tuhan yang bernombor 734627 iaitu 73 Kitab, 46 Perjanjian lama dan 27 Perjanjian Baru, untuk bercakap dengan Tuhan".

Sesi seterusnya yang disampaikan oleh Friar Gerald Terence Saimel OFM membantu peserta untuk berani mengeluarkan emosi dan membantu agar lebih mengenali diri sendiri.

Selain mendengar katekesis, berdoa dan memuji Tuhan, para peserta berkesempatan melawat Rumah Kanak-



Para peserta Walk to Emaus bersama Friar Gerald (kiri) dan Fr Andrew Kim (kanan).

kanak Woori-jib yang dikendalikan oleh para paderi kongregasi yang berasal dari Korea Selatan iaitu *The Clerical Society of the Most Holy Trinity of Mirinae*.

Retreat ini diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Cruzander Alex OFM. Beberapa peserta telah menyatakan perkongsian mereka. Verlika Johny, 23, mengatakan pada masa ini terlalu banyak cabaran yang dihadapi oleh be-

lia termasuklah ajakan agar tidak mempercayai kewujudan Tuhan. "Retreat ini menyedarkan saya betapa besar kemuliaan Tuhan dan saya terbuka hati untuk membenarkan Roh Kudus untuk masuk ke dalam hati saya."

Ivan Jaibit, 21, mengakui pada mulanya dia mengikuti retreat ini untuk melarikan diri dari masalah dan kesibukan.

"Tetapi setelah tiga hari, sesi-sesi yang

disampaikan membantu saya untuk mengenal diri dan memperbaiki hubungan saya dengan Tuhan serta keluarga," jelas Ivan.

"Retreat ini banyak mencipta kenangan manis bersama keluarga. Hargailah masa bersama keluarga dan Tuhan kerana mungkin ia akan menjadi kunci untuk membuka kemelut satu hari nanti," kata Fundes Deonly. — **Aveil Olga**

## Katakan 'Amen' pada panggilan Tuhan!

**KENINGAU:** Khemah Belia Kesukupan Keningau kali keenam (KBK-6) di St Patrick, Membakut telah meninggalkan banyak kenangan manis di kalangan lebih 800 pesertanya.

KBK-6 melabuhkan tirainya pada Ogos 31 dengan Misa Kudus penutup di mana Uskup Cornelius Piong mengumumkan paroki St Anthony, Tenom sebagai tuan rumah KBK-7.



Claudia Shereen

Claudia Shereen Stanis dari paroki Roh Kudus Sook mengongsikan bahawa KBK-6 adalah pengalaman indah dan sangat bermakna.

"Banyak sukacita terjadi semasa KBK-6 itu. Saya tidak dapat melupakan sesi Malam Persahabatan dan sesi Kekeluargaan.

Selama ini saya tidak dapat hidup sendirian kerana memiliki luka batin sejak lahir iaitu ibu mengalami ketakutan amat sangat semasa melahirkan saya semasa pembedahan. 'Ketakutan me-

lampau' ini turun kepada saya.

KBK-6 membantu saya untuk menghadapi kenyataan dan dibebaskan dari rasa takut yang melampau."

Ini merupakan kali kedua Oliver Nick Ubing menyertai KBK selepas menghadiri KBK-5 di paroki Roh Kudus, Sook.

Perkara yang paling menyentuh hati saya ialah pada hari ketiga, di mana sepanjang hari itu, semua sesi dikendalikan oleh kongregasi Putri Karmel dan *Brothers of Carmelita Sancti Eliae (CSE)*.

Saya rasai kehadiran Tuhan yang nyata semasa sesi kaunseling dan pengakuan dosa. Begitu juga semasa Adorasi Penyembuhan yang mendorong saya untuk memaafkan diri sendiri, menerima kelemahan, kekuatan diri sendiri kerana Tuhan lebih dulu mencintai saya.

Natalea Kenneth dari paroki St Antho-



Oliver Nick Ubing

ny, Tenom selama ini hanya mendengar perkongsian daripada rakan-rakan tentang KBK.

Pada tahun ini, Natalea berpeluang menyertai KBK yang membuka mindanya. Salah satu aktiviti yang disertainya ialah *Charity Mission* di mana para peserta telah ditugaskan untuk melakukan kerja amal di kawasan yang sudah ditetapkan.

"Kumpulan saya ditempatkan di sebuah klinik. Selepas berdoa, kami mengutip sampah di sekitar klinik tersebut. Sedang bekerja, seorang lelaki bertanya tentang aktiviti yang sedang kami lakukan, lalu rakan saya memberitahu bahawa kami sedang melakukan misi kerja amal."

Saya pasti, kumpulan kami dan orang-orang yang melihat pasti tersentuh dengan pelayanan kebajikan, yang tidak menharapkan dibayar atau dipuji, lebih-



Natalea Kenneth



Suasana Malam Tematik pada malam terakhir KBK6.

lebih lagi pada masa ini, budaya tidak peduli semakin menular.

"Pada hari terakhir, saya disegarkan dengan homili Uskup Cornelius Piong yang banyak menekankan peranan Bunda Maria misalnya bonda penginjilan yang sentiasa sedia dan bergegas pergiewartakan Khabar Gembira, pendengar dan pelaku Sabda Tuhan yang unggul," kata Natalea. — **Melisa Floly**

# Pemerintah Indonesia ubah istilah Isa Almasih jadi Yesus Kristus

JAKARTA: Pemerintah Indonesia mengumumkan perubahan penggunaan istilah yang merujuk pada Yesus Kristus dalam dokumen rasmi dari istilah yang selama ini dipakai, Isa Almasih.

Dalam pengumuman yang disampaikan pada September 12, Menteri Koordinator Bidang Pembangunan Manusia dan Kebudayaan, Muhadjir Effendy mengatakan, dalam dokumen rasmi, seperti dalam senarai hari cuti nasional keagamaan, pemerintah akan menggunakan istilah Yesus Kristus.

“Perubahan istilah ini adalah atas cadangan Kementerian Agama,” katanya.

Saiful Rahmat Dasuki, Wakil Menteri Agama mengatakan, perubahan pada istilah itu merupakan



Menteri Koordinator Pembangunan Manusia dan Kebudayaan Republik Indonesia mengumumkan penggantian kata “Isa Almasih” kepada Yesus Kristus pada September 12. (Gambar: ucanews.com)

cadangan dari umat Kristian.

“Ini adalah cadangan dari umat Kristian termasuk Katolik agar istilah tersebut diubah kepada apa yang mereka percaya,” katanya.

Dalam kalender rasmi Indonesia, pemerintah menetapkan tiga hari cuti nasional yang berkaitan

dengan Kekristianan iaitu Natal, Jumaat Agung dan Kenaikan, yang selama ini dilekatkan dengan istilah Isa Almasih, iaitu Wafat Isa Almasih dan Kenaikan Isa Almasih.

Fr Yohanes Jeharut, setiausaha eksekutif Komisi Kerasulan Awam Konferensi para Uskup Indonesia

mengatakan, “Perubahan ini mendapat kebenaran rasmi dari pemerintah dan kami sangat menghormatinya.”

Fransiskus Borgias, seorang awam dan pensyarah di Fakulti Falsafah Universiti Parahyangan Bandung mengatakan “ini adalah keputusan yang sangat besar dan hebat. Perubahan ini adalah pengakuan akan status Yesus, yang tidak sama dengan Isa dalam tradisi Islam.”

“Walau sering dikatakan bahawa Isa dan Yesus itu sama, sesungguhnya kedua-duanya berbeza secara teologi dan sosiologi.

Yesus adalah anak Maria dan Yosef, dan Maria adalah anak Yoakim dan Anna dan hidup menjelang abad pertama Era Kristus.

“Sedangkan Isa adalah anak

Miriam, saudari Musa dan Harun yang sangat jauh jaraknya. Jadi, Isa adalah anak buah Musa, sesuatu yang tidak mungkin dalam kronologi Kristiani dan Yahudi,” katanya.

Tambahnya, Isa, menurut Islam juga “tidak mati di salib, sebab yang mati di salib adalah orang yang menyerupainya. Padahal menurut Injil-injil dan sejarah extrabiblis, Yesus mati di salib dan pada hari ketiga bangkit dari antara orang mati. Sedangkan Isa tidak mati (di salib), maka tidak bangkit juga,” katanya.

“Oleh itu, perubahan istilah “Isa” kepada “Yesus Kristus” adalah langkah tepat “yang menggambarkan kefahaman dan pengalaman iman Kristiani tentang Injil.”

— ucanews.com

# Literasi promosi masyarakat mampan dan aman

VATIKAN: Jika orang boleh belajar bagaimana untuk menimbulkan penderitaan kepada orang lain dengan senjata yang lebih mematikan, mereka juga boleh belajar untuk berhenti berbuat demikian, kata Bapa Suci Fransiskus sempena Hari Celik Huruf (Literasi) Antarabangsa.

Sri Paus menghantar pesan kepada Audrey Azoulay, ketua pengarah UNESCO, yang menggalakkan usaha untuk mengajar membaca dan menulis kepada ratusan juta orang di dunia yang tidak mempunyai kemahiran asas literasi.

Uskup Roma itu juga memberi tumpuan kepada pendidikan yang diperlukan untuk membantu semua orang menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang mampan dan aman.

Pesan Sri Paus yang ditandatangani oleh Kardinal Pietro Parolin, setiausaha negara Vatikan, telah disiarkan oleh Vatikan pada September 8, sempena Hari Literasi Antarabangsa.

Misi UNESCO, katanya, adalah untuk menggalakkan keamanan “dalam minda dan hati manusia melalui pendidikan, sains, budaya dan komunikasi.”


“Ini kekal sebagai satu-satunya ‘senjata’ yang sah dan berkesan untuk melabur lebih banyak sumber dan tenaga dalam membina harapan masa depan yang lebih baik.”

Selain mengajar bahasa perdamai dan dialog, perutusan Sri Paus juga menggesa masyarakat antarabangsa untuk melebihi usaha bagi mengatasi ‘jurang digital’ iaitu peluang akses Internet

yang sangat terhad dan untuk mengajar ‘celik digital’ kerana ramai orang “dikelirukan dan didorong untuk berpecah, saling membenci di ‘lebu raya digital’.”

“Ditambah lagi dengan ancaman serius yang menyerahkan pembuatan keputusan tentang nilai kehidupan manusia kepada logik pengiraan peranti elektronik,” katanya yang mengulas mengenai aduan tentang algoritma yang berpotensi digunakan untuk menentukan sama ada menolak atau memberi rawatan perubatan mereka yang diambang maut.

“Untuk mengelakkan teknologi daripada disalahgunakan, hilang kawalan atau menjadi bahaya kepada orang ramai, perlu dibuat dasar dan undang-undang etika tentang penggunaan algoritma,



Kanak-kanak membaca buku sempena Hari Literasi Sedunia.

dan bimbingan berterusan penggunaan teknologi ke arah manusia yang bertanggungjawab,” kata pesan itu.

Akhir sekali, pesan itu menyeru usaha untuk menggalakkan “celik huruf untuk ekologi integral,” mengajar orang ramai untuk men-

jaga alam sekitar dan sesama yang “boleh memberi inspirasi dalam jangka panjang dasar dan ekonomi yang benar-benar mampan untuk kualiti hidup semua penduduk bumi, terutamanya yang paling kurang bernasib baik dan paling berisiko.” — media Vatikan



Kardinal Charles Maung Bo

YANGON: Di sebalik keganasan tentera yang berterusan, umat Katolik di Myanmar yang dilanda perang sivil tetap merayakan Perayaan Kelahiran Maria pada September 8 lalu.

“Kita mendengar berita buruk setiap hari, seperti orang kehilangan rumah dan seluruh kampung telah dibakar tetapi bersama Bunda Maria, mari kita terus tabah dan berani melalui masa yang sukar ini,” kata Kardinal Myanmar

## Myamar sambut pesta Maria di tengah-tengah perang sivil

Charles Maung Bo dalam homilinya semasa memimpin Misa Kudus di gereja St. Anthony, Yangon pada September 8.

Kardinal berusia 74 tahun itu, yang juga bertindak sebagai presiden Federasi Persidangan Uskup Asia (FABC), menegaskan, “Maria mempercayai Yang Kudus dan melalui Dia, Maria mendapat keberanian dan iman untuk melalui situasi yang sukar.”

Tetap teguh pada iman dan jangan “putus harapan kerana hari-hari baik mungkin menjelma di negara kita,” kata Bo.

Pendevisi Maria, termasuk penganut Hindu, datang ke gereja St Anthony. Sebahagian mereka memakai pakaian seperti sami Buddha berwarna oren dan berkaki ayam untuk menyatakan kerendahan hati serta pengabdian.

Perayaan itu berlaku di tengah-tengah konflik yang semakin teruk di mana junta melancarkan serangan udara dan tembakan artileri terhadap orang awam dan di tempat ibadat, sekolah, klinik, dan kem pelarian di negeri Chin, Kayah, Kachin dan Karen yang kebanyakannya beragama Kristian, serta di Wilayah Bamar di wilayah Sagaing dan Magwe di tengah Myanmar.

Keuskupan Agung Yangon tidak termasuk dalam serangan junta tetapi keuskupan-keuskupan di bawah jagaannya telah diserang.

Meskipun telah diberi amaran dan tekanan berkali-kali, pada Ogos, tentera secara rasmi menangguk pilihan raya yang dijanjikan serta melanjutkan darurat yang dikenakan selepas rampasan kuasa. — ucanews.com



## Sri Paus berdoa untuk mangsa bencana Maghribi

VATIKAN: Selepas mendoakan mangsa banjir di Libya semasa Audiensi Umum pada September 13, Sri Paus Fransiskus turut menyatakan kedekatannya dengan rakyat Maghribi.

“Fikiran saya juga tertuju kepada rakyat Maghribi yang mulia yang telah mengalami bencana gempa bumi,” katanya.

Hampir 3,000 orang diketahui maut dalam gempa bumi berukuran 6.8 magnitud yang melanda negara itu pada September 8, dan lebih lima ribu orang cedera telah dilaporkan.

Spanyol, Britain dan Qatar telah menghantar pasukan untuk mem-

bantu dalam operasi menyelamatkan, tetapi harapan untuk mencari mangsa yang terselamat semakin pudar. Negara lain, termasuk Itali, Belgium, Perancis, dan Jerman juga telah menawarkan bantuan.

Ramai daripada mangsa tinggal di kampung-kampung kecil di kawasan pergunungan yang sukar dicapai oleh pekerja penyelamat dan bantuan.

Dalam ucapannya, Sri Paus Fransiskus menggesa doa untuk Maghribi dan penduduknya, meminta agar Tuhan memberi mereka “kekuatan untuk pulih selepas bencana alam yang mengerikan tersebut.” — media Vatikan

HARI MINGGU MIGRAN DAN PELARIAN SEDUNIA KE-109

# Bermigrasi atau tinggal: Hak yang perlu dilindungi

Sri Paus Fransiskus telah mengumumkan “Bebas untuk memilih apakah akan bermigrasi atau tinggal” sebagai tema Hari Migran dan Pelarian Sedunia ke-109, yang dirayakan pada setiap Hari Minggu terakhir bulan September iaitu September 24.

Hari Migran dan Pelarian adalah kesempatan untuk mengungkapkan sokongan, solidariti dan kepedulian bagi orang-orang yang terpaksa meninggalkan rumah mereka, untuk mendorong umat Katolik di seluruh dunia agar mengenang dan berdoa bagi mereka yang terpaksa melarikan diri akibat konflik dan penganiayaan, dan meningkatkan kesedaran tentang peluang yang ditawarkan migrasi.

## Hak untuk bermigrasi: Adakah bebas atau terpaksa?

“Seorang malaikat Tuhan menampakkan diri kepada Yosef dalam mimpi dan berkata: ‘Bangunlah, ambillah Anak itu dan ibunya, larilah ke Mesir, dan tinggallah di sana sampai Aku memberitahumu; kerana Herodes akan mencari Anak itu untuk membinasakannya’” (Mat 2:13).

Pelarian Keluarga Kudus ke Mesir bukanlah hasil keputusan bebas, begitu juga penghijrahan bersejarah umat Israel. Keputusan untuk berhijrah harus sentiasa bebas tetapi dalam banyak situasi, meskipun pada zaman sekarang, ia adalah terpaksa atau tidak bebas.

Konflik, bencana alam, atau mustahil untuk menjalani kehidupan yang bermaruah dan makmur di tanah asal, memaksa berjuta-juta orang pergi.

Pada tahun 2003, Santo Yohanes Paulus II telah menyatakan bahawa “dalam hal pendatang dan pelarian, membina keamanan adalah komitmen yang serius bagi melindungi hak untuk tidak berhijrah, iaitu hak untuk hidup dengan aman dan bermaruah di negara sendiri” (*Pesan Hari Minggu Migran dan Pelarian Sedunia ke-90*).

## Apa yang perlu kita lakukan? Apa yang perlu kita hentikan?

Migran melarikan diri kerana kemiskinan, ketakutan atau keputusan. Bagi menghapuskan punca penghijrahan dan menamatkan penghijrahan paksa, ia memerlukan komitmen bersama semua pihak.

Komitmen ini bermula dengan bertanya apa yang boleh kita lakukan dan apa yang perlu kita hentikan. Kita perlu berusaha sedaya upaya untuk menghentikan persaingan senjata, penjajahan ekonomi, rompakan



Sri Paus Fransiskus memperkenalkan patung yang didedikasikan untuk para migran dan pelarian di Dataran Santo Petrus, Vatikan. (Gambar: Media Vatikan).

sumber orang lain dan kemusnahan rumah kita bersama.

“Dan semua orang yang telah menjadi percaya tetap bersatu, dan segala kepunyaan mereka adalah kepunyaan bersama, dan selalu ada dari mereka yang menjual harta miliknya, lalu membagi-bagikannya kepada semua orang sesuai dengan keperluan masing-masing.

Semua orang yang percaya adalah bersama-sama dan mempunyai semua kesamaan; mereka akan menjual harta benda dan barang-barang mereka dan membagi-bagikan hasilnya kepada semua orang, mengikut keperluan setiap orang” (Kisah Para Rasul 2:44-45).

Ternyata, sifat-sifat komuniti Kristian pertama begitu jauh daripada realiti hari ini!

Jelas sekali, tanggungjawab utama terletak kepada negara asal dan pemimpin mereka. Para pemimpin ini diseru untuk mengamalkan politik yang baik – yang telus, jujur, berpandangan jauh dan berkhidmat untuk semua, terutamanya mereka yang paling lemah.

## Keputusan berhijrah tidak dipaksa

Pada masa yang sama, orang-orang yang lemah ini harus diberi hak untuk memilih tanpa mendapati sumber semulajadi mereka telah dirompak dan tanpa campur tangan luar yang bertujuan untuk melayani kepentingan segelintir orang.

Jika keadaan memungkinkan keputusan sama ada untuk berhijrah atau tinggal, ia haruslah berdasarkan pertimbangan baik serta teliti untuk mengelakkan seju-

lah besar lelaki, wanita dan kanak-kanak tidak menjadi mangsa ilusi berbahaya atau pemerdagangan manusia yang kejam.

## Peringatan: Kristus mengetuk pintu hati kita

“Sebab ketika Aku lapar, kamu memberi Aku makan, ketika Aku haus, kamu memberi Aku minum, ketika Aku seorang asing, kamu menyambut Aku, ketika Aku telanjang dan kamu memberi Aku pakaian, ketika Aku sakit dan kamu memelihara Aku, Aku dalam penjara dan kamu melawat Aku” (Mat 25:35-36).

Kata-kata ini adalah peringatan yang berterusan untuk melihat dalam diri orang yang berhijrah itu bukan sekadar saudara atau saudari dalam kesukaran, tetapi Kristus sendiri, yang mengetuk pintu kita.

Sambil kita berusaha untuk memastikan bahawa dalam setiap kes penghijrahan adalah hasil daripada keputusan bebas, kita juga dipanggil untuk menunjukkan penghormatan maksimum terhadap maruah setiap migran; ini memerlukan mengi-ri-ri-ri dan mengurus gelombang penghijrahan sebaik mungkin, membina jambatan dan bukan tembok, mengembangkan saluran untuk penghijrahan yang selamat dan tetap.

## Menjadi umat sinodal yang menerima dan berjalan bersama

Di mana-mana tempat yang kita putuskan untuk membina masa depan kita, di negara kelahiran kita atau di tempat lain, yang penting ialah sentiasa ada komuniti yang bersedia untuk mengalu-alukan, melindungi, mempromosikan dan mengintegrasikan semua orang, tanpa perbezaan dan tanpa mengene-pikan sesiapa.

Jalan sinodal yang kita lalui sebagai sebuah Gereja, membawa kita melihat mereka yang paling lemah — di antaranya adalah kebanyakan pendatang dan pelarian — teman istimewa dalam perjalanan kita, untuk disayangi dan dijaga sebagai saudara dan saudari.

Hanya dengan berjalan bersama kita akan dapat pergi jauh dan mencapai matlamat bersama dalam perjalanan kita. — Sri Paus Fransiskus, Mei 11, 2023

● Untuk membaca lebih lanjut pesan Hari Migran dan Pelarian ke-109 Sri Paus Fransiskus dan video, sila layari bit.ly/3RpiMCs.

PENULIS BERKICAU

## Tiada seorang pun yang dikecualikan

Baru-baru ini, anak perempuan saya dimasukkan ke wad kecemasan hospital kerajaan kerana disyaki apendiks, saya melihat sesuatu yang menyayat hati.

Di dalam wad kecemasan itu, seorang pemuda migran terlantar kerana kemalangan di tempat kerja. Namun, pemuda itu tidak dapat bertenang dan resah. Seketika kemudian rakannya datang dan saya mendengar seketika perbualan mereka.

Dari perbualan itu, saya mendengar keluhan si pesakit akan bayaran pendaftaran hospital yang terlalu mahal baginya. Bayaran hospital kerajaan untuk orang asing boleh mencecah ratusan ringgit.

Begitu juga beberapa tahun lalu, heboh apabila pihak hospital mengeluh dan marah apabila beberapa orang migran yang baharu melahirkan anak, meloloskan diri dari wad bersama bayi tanpa membayar yuran rawatan.

Bagi saya, ibu-ibu migran yang meloloskan diri itu bukan sengaja tidak mahu melunaskan bayaran tetapi mereka memang tidak mampu lebih-lebih lagi yang terpaksa menjalani pembedahan kecemasan. Jika boleh mereka mahu melahirkan anak di rumah sahaja tetapi dalam keadaan darurat, mereka terpaksa dikejarkan ke hospital juga.

Ini adalah segelintir kisah migran yang saya alami. Saya percaya, kita semua juga pernah mendengar kisah-kisah menyayat hati demikian.

Pesan Sri Paus Fransiskus untuk Hari Migran dan Pelarian Sedunia ke-109, September 24, 2023, jangan hanya memikirkan apa yang perlu kita lakukan untuk membantu para migran dan pelarian tetapi fikirkan atau usahakan apa yang perlu kita hentikan? Sri Paus Fransiskus mengatakan jika negara itu aman, harmoni dan politiknya stabil, maka seseorang itu tidak akan merasa terpaksa berhijrah.

Satu lagi hal yang seharusnya kita menjadi perhatian ialah penghijrahan dan pelarian akibat krisis iklim.

Sri Paus Fransiskus dalam pesannya sempena Hari Doa Sedunia bagi Pemeliharaan Ciptaan pada September 1, 2020 menyatakan kita sudah berada di tengah ‘darurat iklim’ dan masa sudah terlalu suntek.

Sempena Hari Migran dan Pelarian Sedunia 2023 ini, saya menyokong seruan Sri Paus Fransiskus bahawa:

- Pemerintah dan pemimpin politik negara asal perlu memastikan keharmonian negara untuk mencegah migrasi.
- Bagi negara penerima migran dan pelarian, Nabi Yesaya menyatakan orang asing tidak boleh dianggap sebagai “penyerbu atau perosak”, melainkan sebagai “pekerja yang rela” untuk masyarakat yang lebih baik.

Tidak dinafikan kehadiran migran dan pelarian ini membawa cabaran besar tetapi mereka juga dapat membantu komuniti tempatan memahami dunia dengan lebih baik dan menyumbang pertumbuhan spiritual.

Pujian dan penghargaan kepada semua Keuskupan yang menubuhkan Komisi Penjagaan Pastoral bagi kaum Migran dan Pelarian kerana memberi penjagaan pastoral serta melindungi martabat golongan lemah.

Sesungguhnya migran Katolik, “dapat memberi energi pada kehidupan gerejawi komuniti yang menyambut mereka.”

## KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.



Sri Paus Fransiskus menyapa keluarga pelarian yang tiba melalui Koridor Kemanusiaan pada awal tahun 2023. (Gambar: Media Vatikan).

## Konvensyen Wanita Katolik Sabah di Keuskupan Keningau



KENINGAU: Konvensyen Wanita Katolik Sabah kali kelima telah berlangsung di Keuskupan Keningau pada Ogos 30 hingga September 3 lalu dengan 233 peserta dari tiga Keuskupan/Agung di Sabah.

Diadakan di Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal, konvensyen kali ini membawa tema "Wanita beriman dan berani bersaksi demi Kristus".

Tiga orang Uskup turut hadir iaitu Uskup Agung John Wong dari Kota Kinabalu, Uskup Cornelius Piong dari Keuskupan Keningau

dan Uskup Julius Dusing Gitom dari Keuskupan Sandakan.

Uskup Cornelius memimpin Misa Kudus pembukaan disusuli simbolik pelancaran konvensyen yang diselenggarakan oleh Komisi KOMSOS Keuskupan Keningau.

Dalam homilinya Uskup Cornelius Piong menekankan apa yang dimaksudkan dengan beriman Katolik? Jelasnya, "beriman Katolik adalah kepercayaan akan Tuhan dan utusan-utusan-Nya, terutama kepada Yesus Kristus yang mendi-

mistik-Nya. Beriman bukan setakat pengetahuan belaka tetapi benar-benar mengenal Dia, mengalami Dia dalam hidup kita sehari-hari."

Sempena proses kegiatan Gereja sinodal, para peserta diberikan pencerahan tentang peranan wanita dalam konteks sinodal dan bagaimana wanita dapat memainkan peranan untuk menjadikan Gereja lebih bersifat sinodal khususnya dalam empat aspek iaitu Gereja, Keluarga, Sosial dan Ekologi.

Ketiga-tiga Uskup/Agung mempunyai sesi tersendiri dalam kon-

vensyen ini. Uskup Agung John Wong menyampaikan sesi "Kerohanian Wanita Katolik", Uskup Cornelius menjelaskan tentang "Aspek Wanita Beriman" dan Uskup Julius Gitom memilih tajuk "Peranan Wanita dalam konteks sinodal".

Secara keseluruhan, Konvensyen Wanita Katolik kali kelima ini lebih mendorong dan mengajak para wanita untuk berani membahagikan kesaksian mereka.

Salah satu cara berbahagi kesaksian ialah menceritakan bagaimana

keadaan mereka sebelum dan menerima Kristus.

Bersaksi bagi Kristus bukan mudah lebih-lebih lagi pada zaman sekarang ini namun dengan kesatuan erat dengan Kristus, wanita Katolik pasti akan sentiasa berani bersaksi dan tidak dikuasai dengan sikap kepura-puraan serta kepalsuan.

Pada hari terakhir konvensyen, diumumkan tuan rumah Konvensyen Wanita Katolik Sabah pada tahun 2026 iaitu Keuskupan Sandakan. — *Didiroy Joneh*

## 70 umat belajar penggunaan Buku SKM



Para Katekis Pembimbing St Christopher Gemas kini lebih yakin menggunakan buku Siri SKM selepas formasi pada Sept 9 lalu.

SEREMBAN: Seramai 12 orang guru pembimbing dari Vikariat Melaka telah 'turun padang' ke Capel St Christopher, Gemas, Negeri Sembilan untuk menerangkan penggunaan serta memberi bimbingan metodologi buku Siri Kateketik Malaysia (SKM) kepada 70 peserta pada September 9 lalu.

Formasi itu dikendalikan oleh Sr Maria Magdalena Kopong FSIC (Sr Mag) dan Sr Liza Angie FSIC.

Pada sesi awal, Sr Mag membantu para peserta untuk memahami akan panggilan dan peranan mereka sebagai Katekis Pembimbing untuk mewartakan dan memupuk iman terhadap Yesus Kristus. Sr Mag mengambil beberapa dokumen Gereja yang menekankan peranan dan tugas Katekis.

Dalam sesi kedua iaitu tentang penggunaan buku SKM, Sr Mag menekankan objektif dan isi kandungan setiap Buku SKM dari Tahap Satu sehingga Sepuluh.

Sr Liza dalam sesi ketiga menjelaskan metodologi penggunaan buku SKM, penyediaan rancangan pengajaran SKM dan juga *macro teaching* secara berkumpulan. Para peserta dibahagikan kepada sepuluh kumpulan mengikut kelas SKM mereka dan belajar bagaimana menggunakan buku SKM tersebut.

Meskipun baru pertama kali melakukan latihan pengajaran, para Katekis Pembimbing St Christopher jelas berpotensi dan berkomitmen tinggi dalam membimbing pelajar kelas hari Minggu. Pihak penganjur juga sangat berterima kasih kepada Paderi Paroki iaitu Fr Albet Arockiasamy yang menyokong formasi itu serta Uskup Bernard Paul, yang memberi kebenaran kepada para Suster dan rombongannya untuk membantu para Katekis Pembimbing di St Christopher. — *Jacqueline Siok Anak Sintan*

## Gereja St Mathew lahir dari kemurahan hati umat

SARATOK, Sarawak: Uskup Agung Simon Poh telah memberkati dan merasmikan sebuah Gereja baharu di Meruji Kabo pada Ogos 19 lalu.

Umat dari rumah panjang sekitar Meruji dan komuniti Katolik dari zon-zon terdekat telah mengambil peluang untuk menyaksikan peristiwa bersejarah itu.

Uskup Agung Simon Poh dalam homilinya memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan atas berkat dan rahmat-Nya yang senantiasa dicurahkan kepada para pengikut-Nya khususnya umat Katolik di Gereja St Mathew.

Prelatus itu juga menyeru kepada semua umat agar memupuk amalan hidup berdoa dalam rutin harian mereka.

Gereja St Mathew didirikan di atas tapak tanah milik Tuai



Uskup Agung Simon Poh dan Fr Henry Jimbey semasa upacara pemberkatan dan perasmian Gereja St Mathew.

Rumah Panjang, Matalie Anak Enteban serta anaknya Cassidy Najeal Anak Matalie.

Mereka dengan murah hati menyumbangkan tanah itu untuk didirikan Gereja dengan persetujuan bersama Fr Jerome Juleng.

Kerja-kerja awal meratakan tanah dan pembersihan bermula pada tahun 2020.

Pada awal tahun 2023, Unit Bagi Hal Ehwat Agama Lain (UNIFOR) telah menyediakan peruntukan sebanyak RM150,000 bagi tujuan kerja-kerja pembinaan gereja.

Nama gereja tersebut telah diilhamkan oleh Fr Augustinev Jepy sempena nama santa Tuai Rumah Panjang Matalie iaitu St Mathew. — *Today's Catholic*

## Komuniti Katolik Orang Asli raya pesta Gereja ke-122



Komuniti Katolik Orang Asli mengarak patung Bonda Maria semasa ulang tahun ke-122 Gereja Bonda Maria.

LABU, Negeri Sembilan: Komuniti Katolik Orang Asli Maria Bonda, Kampung Tekir, Labu merayakan ulang tahun Gereja Bonda Maria ke-122 pada September 9, 2023.

Perarakan patung Bonda Maria dijalankan selepas Misa Kudus. Perarakan kali ini memberikan satu pengalaman baru kepada umat yang hadir.

Ramai di antara mereka merasa bangga kerana inilah pertama kali patung Bonda Maria dibawa keliling kampung disertai oleh umat luar.

Kira-kira dua ratus umat telah hadir sempena perayaan ini.

Selain umat Kg Tekir, umat dari Kg Sebir, Kg Belihoi dan umat dari Gereja St Theresa Nilai turut hadir. — *July Bin Lanchong*